

LAPORAN BSK KEDAH 2017

BSK KEDAH HADIRI MUZAKARAH PEGAWAI DAN KAKITANGAN BAHAGIAN SOKONGAN KELUARGA (BSK) TAHUN 2017.

Pada 23 - 25 Oktober 2017, –Seramai 4 orang Pegawai dan Kakitangan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) Negeri Kedah telah menghadiri Muzakarah Pegawai dan Kakitangan BSK tahun 2017 di Institut Latihan Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) UiTM Lebu Enstek, Bandar Enstek, Nilai.

Muzakarah ini merupakan satu acara tahunan melibatkan pegawai dan kakitangan BSK seluruh Malaysia bagi membincangkan isu-isu khusus berkaitan dengan aktiviti BSK. Disamping itu, ianya juga merupakan satu platform bagi membincangkan perancangan dan hala tuju BSK dari semasa ke semasa di samping dapat menerapkan nilai-nilai murni di kalangan pegawai dan kakitangan BSK seluruh Malaysia.

Program telah dirasmikan oleh YAA Dato' Haji Mukhyuddin bin Haji Ibrahim, Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Seluruh Malaysia. Pada majlis itu juga, YAA Dato telah sudi melancarkan Laman *Facebook* BSK dan BSK Transit. Turut hadir bersama Puan Hajjah Noor Hadina binti Ahmad Zabidi, Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang baru. Semua peserta amat bertuah kerana majlis ini merupakan pertemuan sulung para peserta bersama YAA Dato Ketua Pengarah dan Puan Ketua Pendaftar JKSM yang baru.

Muzakarah kali ini telah berlangsung dengan jayanya kerana berjaya menyuntik semangat baru kepada semua serta dapat meningkatkan kemahiran, dan kecekapan dalam menjalankan misi dan visi bahagian disamping menjalinkan hubungan silaturrahim sesama rakan sejawat dari pelbagai negeri.

Sekian,



Sesi Bergambar Bersama Ketua Pengarah JKSM dan Pegawai & Kakitangan BSK Seluruh Malaysia di Auditorium Institut Latihan dan Kepimpinan UiTM Bandar Enstek, Nilai.



Gimik Pelancaran Laman Facebook BSK JKSM oleh YAA Dato Ketua Pengarah JKSM, Puan Ketua Pendaftar JKSM dan Puan Pengarah BSK JKSM.



Pegawai dan Kakitangan BSK Kedah yang hadir bersama Puan Pengarah dan Puan Timbalan Pengarah JKSM



Sesi muzakarah dan perbincangan.

*Laporan disediakan oleh:
Bahagian Sokongan Keluarga
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah
November 2017*